



Menulis

Tulis jawapan yang betul.

Zahim dan Zafri hendak bermain di taman permainan. Sebelum pergi, mereka memberitahu ibu terlebih dahulu. Mereka berbuat demikian supaya ibu mereka tahu ke mana mereka hendak pergi. Ibu memberikan kebenaran kepada mereka untuk bermain di taman.

Ibu berpesan agar mereka menjaga keselamatan diri. Jangan berebut-rebut dan bertolak-tolakan semasa bermain buaian atau gelongsor. Mereka juga perlu berwaspada dengan orang yang tidak dikenali. Zahim dan Zafri berjanji untuk mengikut pesanan ibu mereka.

1. Zahim dan Zafri hendak pergi ke mana?

Zahim dan Zafri hendak pergi ke taman permainan.

2. Mengapakah Zahim dan Zafri perlu memberitahu ibu mereka terlebih dahulu?

3. Semasa bermain di taman, apakah yang perlu mereka lakukan?

4. Nyatakan janji Zahim dan Zafri kepada ibu mereka.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami bahan untuk menjawab soalan bertumpu.

KBT: KP - Kinestetik

KB - Menghubungkan

BCB - Menulis

Nilai: Tanggungjawab

EMK: Kelestarian alam sekitar.

322 (i)

BT: 66



Kata Kerja Tak Transitif

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.



Bilik air Zahim sentiasa bersih. Baju yang belum _____ dikumpul di dalam baldi. Selepas _____, Zahim akan memastikan lantai bilik air kering. Dia takut _____. Dia juga tidak mahu ibunya _____. Zahim _____ menjaga kebersihan dan keselamatan bilik airnya. Ibu _____ melihat sikap Zahim.

Nota Guru

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja tak transitif dengan betulnya.
KBT: KP - Verbal-linguistik
KB - Menghubungkan
BCB - Membaca
- EMK: Nilai murni
(Semangat kemasyarakatan)

S.12 (ii)
BT: 67




Kata Adjektif

Patuhi Arahan

Lengkapkan ayat dengan perkataan yang sesuai.

- Lampu merah menyala – berhenti
- Lampu kuning menyala – bersedia untuk berhenti
- Lampu hijau menyala – bergerak



Angus hendak ke pekan bersama-sama dengan ayahnya. Mereka pergi ke pekan dengan menaiki motosikal.

Dalam perjalanan, Angus melihat _____ di hadapan mereka bertukar warna kepada _____. Ayahnya memperlahankan motosikal dan bersedia untuk berhenti. Apabila lampu isyarat bertukar warna _____, ayah terus memberhentikan motosikalnya. Selang beberapa minit, lampu isyarat warna _____ pun menyala. Ayah meneruskan perjalanan ke pekan.



Nota Guru

- Bimbing murid melengkapkan ayat dengan kata adjektif warna yang sesuai.
 - Minta murid mewarnakan lampu isyarat dengan betulnya.
- KBT: KP - Verbal-linguistik
KB - Menghubungkan

EMK: Nisai mumi

(Tanggungjawab)

513 (1)

BT: 68